

21 OCT 1996

Kompleks-Rasmi

KOMPLEKS LADA: SATU PENCAPAIAN MEMBANGGAKAN

LANGKAWI, 21 Okt (Bernama) -- Perasmian Kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu ini dianggap sebagai satu pencapaian yang amat membanggakan.

Ini kerana pada usia yang baru mencecah enam tahun, LADA yang diletakkan di bawah Kementerian Kewangan telah menunjukkan prestasi yang boleh disifatkan luar biasa bagi sebuah agensi kerajaan.

Kompleks setinggi 10 tingkat itu juga dianggap sebagai penyelesaian masalah kekurangan ruang pejabat di pulau percutian bebas cukai ini.

Pegawai Perhubungan Awam LADA, Mohd Hatta Said memberitahu Bernama hari ini kompleks itu, yang dibina dengan harga RM30 juta, terletak kira-kira satu kilometer dari jeti Kuah dan Pekan Kuah dan akan menempatkan kesemua jabatan kerajaan sama ada negeri ataupun persekutuan di bawah satu bumbung.

Katanya ini akan memudahkan orang ramai berurusan kerana sebelum ini jabatan kerajaan negeri dan persekutuan terletak berselerakan di merata pekan Kuah dan ada juga yang beroperasi di kawasan perumahan.

Beliau berkata selain ruang pejabat, kompleks itu turut mempunyai sebuah auditorium yang boleh memuatkan 300 orang di samping kiosk untuk menjual makanan dan barangan kering.

Majlis perasmian yang akan berlangsung dalam suasana penuh meriah dan warna-warni itu dijadual bermula pada pukul 8 malam.

Mohd Hatta berkata serentak dengan majlis itu, Dr Mahathir akan merasmikan Dataran Lang dan lanskap Legenda Langkawi Dalam Taman (LLDT) yang terletak kira-kira 500 meter dari Kompleks LADA.

Pembinaan kedua-dua tarikan terbaru Langkawi itu, masing-masing berharga RM14 juta dan RM30 juta, dikendalikan oleh LADA, katanya.

Seperti namanya, tarikan utama Dataran Lang ialah replika gergasi burung helang yang berukuran kira-kira 12 meter tinggi manakala pengunjung ke LLDT pula berpeluang mengetahui sejarah pulau ini melalui ukiran gergasi semua mitos mengenai Langkawi.

Mitos itu termasuk cerita mengenai Tasik Dayang Bunting, kemunculan buaya putih, Gunung Mat Cincang dan Mat Raya, Belangga Pecah hinggalah kepada peristiwa pembunuhan Mahsuri.

Mohd Hatta berkata upacara perasmian akan dimulakan dengan pertunjukan multimedia berkaitan Langkawi sejak ia mula dikenali sehinggalah sekarang.

Majlis itu yang akan berlangsung di Dataran Lang akan diserikan dengan pertunjukan bunga api, katanya.

Namun apa yang dijangka menjadi tarikan ialah pertunjukan laser yang akan menyaksikan seekor helang gergasi, sudah tentu yang dari Dataran Lang itu terbang menuju ke Kompleks LADA. Adalah dipercayai ini merupakan pertunjukan pertama seumpamanya di negara ini.

Mohd Hatta berkata sempena upacara itu, LADA Holding Sdn Bhd yang mengendalikan feri penumpang juga akan mengadakan satu perkhidmatan tambahan dari Kuah ke Kuala Kedah yang akan berlepas pada pukul 11.15 malam iaitu kira-kira setengah jam selepas majlis itu dijangka selesai.

Esoknya, Perdana Menteri dijadual merasmikan sambutan ulang tahun ke-40 tanah rancangan Felda di Felda Bukit Tinggi, Changlun dekat Alor Setar.

Pada upacara yang dijangka bermula pukul 10 pagi itu, Dr Mahathir akan melancarkan Yayasan Peneroka Felda dan menyampaikan hak milik tanah kepada sekumpulan peneroka tanah rancangan itu.

Terdahulu itu setibanya dari Langkawi, Dr Mahathir akan merasmikan bangunan tambahan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Chung Hua di Jitra

manakala pada sebelah petangnya merasmikan bangunan tambahan Sekolah Menengah Keat Hwa (Persendirian) di Taman Berjaya, Alor Setar. -- BERNAMA
ZAA MFJ AKD